

08/12/1999

Ahli Gerakan perlu ketepi perselisihan

KUALA LUMPUR, Selasa - Gerakan Pulau Pinang disaran mengetepikan perbezaan pendapat di kalangan ahlinya sebagai bukti sokongan mereka kepada kerajaan Barisan Nasional (BN), pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata walaupun jelas wujud dua pihak dalam Gerakan negeri itu, kedua-duanya sehaluan dalam menyuarakan sokongan yang tidak berbelah-bahagi terhadap Perdana Menteri.

"Selepas pertemuan dengan dua bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gerakan, Lim Chien Aun dan Lim Boo Chang, saya dapati wujud perbezaan pendapat yang ketara antara mereka dengan anggota Gerakan lain.

"Bagaimanapun, dengan pelantikan semula Tan Sri Dr Koh Tsu Koon sebagai Ketua Menteri oleh Dr Mahathir dan kenyataan kedua-dua Adun berkenaan yang tetap menyokong kepemimpinan Dr Mahathir, saya berpendapat ini adalah masa terbaik untuk semua pihak berdamai," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, di sini hari ini.

Sambil berikrar akan berusaha bersungguh-sungguh menjernihkan hubungan dalam parti itu, Dr Lim meminta setiap pihak terbabit supaya tidak membuat sebarang kenyataan dalam usaha mengukuhkan parti itu demi kepentingan penduduk Pulau Pinang.

Boo Chang yang juga Adun Datuk Keramat dan Chien Aun (Bayan Lepas) mengisytihar keluar daripada parti itu tiga hari selepas menang dalam pilihan raya umum 29 November lalu.

Mereka yang kekal sebagai Adun mewakili BN berkata, tindakan keluar parti itu disebabkan rasa tidak puas hati dengan kepemimpinan Gerakan negeri yang gagal mencapai mutu tinggi.

Mereka berpendapat, Pulau Pinang bukan saja ketinggalan dari aspek pembangunan, malah kepemimpinan Gerakan sekarang tidak menyumbang kepada pembangunan politik parti dan juga dalam konteks politik negara.

Pada pilihan raya lalu, Boo Chang mengalahkan calon DAP, Karpal Singh bagi DUN Datuk Kramat dengan majoriti 3,148, manakala Chien Aun (DUN Bayan Lepas) menewaskan Mohidee Abdul Kader (Keadilan) dan Tan Ban Yew (MDP) dengan majoriti 3,846.

(END)